

SEDA lulus 309 permohonan

► Dengan kapasiti sebanyak 157.8 megawatt (MW)

Oleh NOORASVILLA MUHAMMA

SANDAKAN: Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) meluluskan 309 permohonan 'Feed-in Tariff' (FiT) bagi negeri ini, dengan kapasiti sebanyak 157.8 megawatt (MW).

Jumlah itu merangkumi biomassa sebanyak 99.7MW, hidrokuasa kecil (35.6MW), Solar Photovoltaics (PV) untuk bukan individu (8.1MW), Solar PV untuk individu (2.53MW), Solar PV untuk komuniti (0.396MW) dan biogas (11.4MW).

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) Datuk Seri Panglima Dr Maximus Johny Ongkili berkata, bagi tempoh yang sama, lima projek di Sabah telah mencapai operasi komersial dengan kapasiti Tenaga Boleh Baharu (TBB) sebanyak 43.4MW yang merangkumi biomassa dengan kapasiti 36.9MW dan hidrokuasa kecil yang berkapasiti 6.5MW.

"Salah satu projek itu adalah loji janakuasa biomassa oleh Cash Horse (M) Sdn Bhd yang dibuka hari ini (kelmarin). Penglibatan syarikat ini dalam menjana TBB bertepatan dengan dasar dan strategi kerajaan untuk mengurangkan beban tanggungan negara terhadap bahan api fosil.

"Pelaksanaan antara usaha merupakan antara usaha berterusan kerajaan untuk mempertingkatkan tahap kebolehan bekalan elektrik dan dalam masa yang sama memastikan bekalan elektrik yang berkualiti tepat



MAXIMUS (tengah) menandatangani plak perasmian pembukaan loji kuasa biogas dan biomassa di KM63, Jalan Sandakan - Lahad Datu, kelmarin.

dibekalkan pada kadar yang berpatutan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Mjilis Perasmian Loji Kuasa Biogas dan Biomassa di Kilometer 63, Jalan Sandakan - Lahad Datu, di sini kelmarin.

Menurut Maximus, pihaknya juga mendapati pada separuh tahun dalam 2014, komponen penjana terbesar kepada gangguan bekalan elektrik di Sabah sehingga menyebabkan lutan beban terpaksa dilakukan dan seterusnya mengakibatkan gangguan bekalan elektrik.

Bagaimanapun, dengan penyiapan dua stesen janakuasa utama di Kimanis dengan keseluruhan sebanyak 385MW, Sistem Grid Sabah telah menerima penambahan kapasiti penjana.


"Ini bukan sahaja mampu mengurangkan gangguan bekalan elektrik akibat kekurangan kapasiti, tetapi juga berikutan henti tugas tidak berjadual oleh stesen-

stesen janakuasa kerana margin operasi yang tinggi.

Antara projek penjana lain dalam perancangan pasca 2014 adalah Stesen Jana Kuasa Tawau Green Energy (30MW)



MAH (tiga kanan) dan Maximus (lima kiri) bersama jemputan lain pada perasmian loji kuasa biogas dan biomassa.



SALAH sebuah bilik kawalan di tapak loji biogas dan biomassa yang dimiliki oleh anak syarikat Cepadwawasan Group Berhad.

beraskan sumber geotermia di Apas Kiri, Tawau pada 2017, Stesen Hidroelektrik Upper Padas (180MW) pada 2023 dan sebuah stesen janakuasa besar berasaskan gas dengan kapasiti 390MW di pantai timur Sabah menjelang 2021.

Dan, untuk mengukuhkan lagi kawasan pantau timur Sabah, kerajaan sedang merancang untuk membangunkan tiga lagi stesen janakuasa di Sandakan (90MW), Tawau (85MW) dan Lahad Datu (30MW) bagi tempoh 2016 hingga 2018. Terdahulu dalam ucapannya,

Pengerusi Cepadwawasan Group Berhad Dato Seri Mah King Thian memberitahu, pembinaan loji biogas 3MW itu bermula pada 2010 dan siap pada Ogos tahun lepas dengan menelan belanja hampir RM30 juta.

Tenaga yang dihasilkan dijual kepada kilang kelapa sawit untuk kegunaan aktiviti pemrosesan dan tempat tinggal kakitangan serta pekerja.

Manakala, loji biomassa 12MW mula dibina pada 2011 dan mencapai tarikh operasi komersial pada Novembertahun ini dengan kos pembinaan melebihi RM100 juta. 10MW daripadanya dijual kepada grid milik Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB).

Loji biogas dibangunkan dan dikendalikan oleh Syarikat Mistral Engineering Sdn Bhd dan loji biomassa oleh Syarikat Cash Horse (M) Sdn Bhd, di mana keduanya merupakan anak syarikat Cepadwawasan Group Berhad.

Menurut beliau, pihaknya berdepan beberapa halangan dan cabaran dalam pelaksanaan projek itu termasuk pembatalan FiT untuk Sabah sebak sahaja

ia dilancarkan pada Disember 2011.

"Projek biomassa ini adalah di antara beberapa projek pertama di Malaysia yang mendapatkan kuota FiT apabila ia dilancarkan. Walaupun kami berjaya dan telah membayar yuran pemrosesan melebihi RM100 ribu untuk kuota berkenaan, namun kami dimaklumkan FiT kami telah dibatalkan dua hingga tiga minggu selepas itu.

"Dari saat itu, pelaksanaan projek ini terganggu dan saya percaya tanpa pelaksanaan FiT di negeri ini, Sabah tidak akan menjadi negeri teknologi hijau meskipun kita kaya dengan sumber alam semula jadi dan sumber boleh diperbaharui.

"Bagaimanapun, akhirnya FiT diperluaskan di Sabah hasil usaha gigih dan kerjasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang diterajui oleh Maximus," katanya.

Hadirsama, Pengerusi SEDA Datuk Dr Yee Moh Chai, Ketua Eksekutif SEDA Catherine Ridu, Pengurus Besar Kanan SESB Ir Abdul Nasser Abdul Wahid, dan Pengarah Urusan Cepadwawasan Group Berhad Dato Seri Mah King Seng.